

**LAPORAN MESYUARAT KHAS JAWATANKUASA
TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR / REKTOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA) IPTA BIL. 1/2014**

25 NOVEMBER 2014

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

a. Prosedur permohonan program baharu bagi Universiti berstatus :-

- i. Swa-akreditasi – pemakluman ke JKPT
- ii. Bukan berstatus Swa-akreditasi – pembentangan di JKPT

Keputusan Mesyuarat : Semua IPTA termasuk yang telah mendapat swa-akreditasi mestilah mematuhi standard MQA.

b. Prosedur semakan perubahan kurikulum :

- i. Kurang daripada 30% - pemakluman ke JKPT
- ii. Melebihi 30% - pembentangan di JKPT

c. Prosedur penubuhan entiti selain akademik yang tidak menawarkan program akademik tidak perlu melalui JKPT . Contoh :-

- i. Penubuhan Pusat Perwakilan Universiti di luar negara bagi tujuan promosi untuk mendapatkan pelajar antarabangsa.
- ii. Penubuhan Pusat Kecemerlangan di peringkat Universiti.

Keputusan Mesyuarat : Pembentukan Pusat Kecemerlangan Akademik perlu mendapatkan kelulusan daripada JKPT (surat beranak). Pusat ini boleh menawarkan program PG. Pusat yang tiada surat beranak tidak boleh menawarkan program akademik.

(Rujukan: Polisi & Prosedur Penubuhan, Attribut & Pembubaran Entiti Akademik)

- d. Prosedur permohonan untuk penawaran program di premis luar kampus perlu mendapatkan kelulusan audit lokasi daripada MQA terlebih dahulu sebelum membuat permohonan ke JKPT.

Keputusan Mesyuarat : Audit Kendiri dan Penilaian perlu dibuat oleh IPTA yang telah mendapat swa-akreditasi.

- e. Keseragaman nama program :-

- i. Perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 2/2012.

Makluman: Garis panduan penamaan (nomenclature) program Sarjana Muda Tahap 6 (MQF).
Garis Panduan Penulisan Program Akademik (Lampiran E)

- f. Penawaran program akademik perlu menjurus kepada bidang tujuan yang telah dipersetujui. Semua program baharu yang ingin ditawarkan oleh sesebuah IPTA perlulah memenuhi tujuan IPTA tersebut dan pemetaan kurikulum program pula mestilah memperlihatkan pengalaman pembelajaran yang akan meningkatkan nilai murni, akhlak serta etika profesional para pelajar.

Bidang tujuan UTM : Kejuruteraan dan teknologi.

g. Makluman pentadbiran :-

- i. Syarat kelayakan masuk band MUET atau yang setara dengannya perlu dinyatakan dalam penulisan kertas permohonan program akademik baharu.
- ii. Tarikh akhir bagi program akademik baharu dimuatnaik ke dalam Sistem UPU adalah pada 11 Disember setiap tahun.

h. Isu berbangkit di dalam Mesyuarat YAB Menteri II Bersama Pengurusan SPT :-

- i. Cadangan pengurangan program akademik sebanyak 20% yang akan dijadikan sebagai KPI Naib Canselor.
- ii. Pengurangan/Penjumudan program yang tidak relevan kepada industri dan negara.

Ahli mesyuarat tidak bersetuju dengan cadangan pengurangan sehingga 20% tetapi telah mencadangkan panduan pengurangan program perlu diperhalusi oleh BPPA, KPM.

PEMAKLUMAN ISU MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)

- i. Pelaksanaan syarat minimum kemasukan ke IPT berdasarkan perutusan YAB PM dalam pembentangan Belanjawan 2015 pada 10 Oktober 2014.
- ii. Kuasa Senat seperti yang termaktub di dalam Akta 30, S17 (2A)(f).

(Telah diambil tindakan melalui Senat UTM pada 13 November 2014)

2. ISU DAN PANDANGAN MESYUARAT

i. Makluman berkenaan Lulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama ke Program Doktor Falsafah

Lulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama boleh meneruskan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dengan syarat mendaftar sebagai pelajar Sarjana dan mengikuti pengajian selama 1 tahun sebelum “convert” ke peringkat PhD. Ini sebagai jaminan kepada pelajar yang gagal meneruskan pengajian di peringkat PhD.

Maklumbalas SPS: UTM tidak lagi menerima kemasukan pelajar ke program PhD berdasarkan kelulusan Sarjana Muda. Walau bagaimanapun, pelajar Sarjana boleh memohon pertukaran ke PhD setelah:

LULUS penilaian pertukaran peringkat pengajian yang dinilai oleh dua orang pemeriksa yang dilantik.

Perlu mengikuti pengajian selama 12 bulan sebelum “convert” ke peringkat PhD dan maksimum permohonan adalah tidak melebihi tempoh pengajian 18 bulan.

Telah membentangkan 1 kertas kerja persidangan.

Tertakluk kepada keputusan Mesyuarat JK Tetap Senat (Peperiksaan dan Pengijazahan)

Perlaksanaan Fast Track (Lulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama boleh meneruskan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah) di UTM sebelum ini menyediakan jaminan kepada pelajar yang gagal meneruskan pengajian di peringkat PhD. Dimana mereka akan didaftarkan (downgrade) ke program Sarjana dan boleh meneruskan pengajian. Bagi mereka yang berjaya tetapi tidak memenuhi skop minimum tesis PhD, mereka akan dianugerahkan dengan ijazah Sarjana Falsafah.

Pihak MDPS memohon penguguran Syarat Pertukaran pendaftaran pelajar daripada Sarjana ke PhD iaitu PNGK 3.67 dan ke atas.

Cadangan MDPS kepada MQA ialah untuk menggugurkan syarat PNGK 3.67 pada tahap Ijazah Sarjana Muda bagi permohonan calon yang mendaftar untuk program tahap ijazah sarjana untuk menukar pendaftaran ke program Ijazah Kedoktoran. MQA Bersetuju dengan cadangan MDPS dan akan membawanya ke Mesyuarat Majlis MQA untuk keputusan. (Berdasarkan minit mesyuarat MDPS ke 37, 2014 di UMT pada 16 Oktober 2014)

ISU DAN PANDANGAN MESYUARAT

- j. Isu Keseragaman Sistem Pemindahan Kredit di IPTA :-
 - i. Untuk pelajar antarabangsa.
 - ii. Untuk tujuan mobiliti pelajar.
 - iii. Tiada sistem pemindahan kredit bagi mod “*experiential learning*”.
 - iv. Mengikut Asean Credit Transfer System (ACTS), penetapan 1 jam kredit =38-48 notional hrs. Pada masa kini, Malaysia menetapkan 1 jam kredit=40 notional hrs.

Maklumbalas: UGS/ UTMI (Lampiran 8.0 J)

ISU-ISU BERKAITAN PENGAMBILAN

- i. Kekangan ambilan
- ii. Isu jantina di IPTA
- iii. UPU Incorporated

HIGHLIGHT:

- 1. Kaedah pengambilan di UTM (Ujian, temuduga, berpusat/sendiri)
- 2. UM & USM telah membuat ambilan sendiri

3. PERKONGSIAN ILMU – AMALAN PEMBELAJARAN BERIMPAK TINGGI (HIGH IMPACT PRACTICES HIPs)

Mempertingkatkan kualiti program akademik melalui pelaksanaan amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong *Holistic Student Development* (HSD). (Slide HIPs)

MALAYSIAN SOFT SKILLS SCALE (My3S)

- i. Taklimat penjelasan berkenaan pelaksanaan My3S versi komprehensif.
- ii. Pembentangan sistem My3S versi kompak.
- iii. Halatuju My3S.

Maklumbalas: Mesyuarat bersetuju sistem My3S versi komprehensif digunakan oleh semua IPTA kerana data boleh dianalisis dalam pelbagai bentuk.

BRAINSTORM BERKENAAN PELAKSANAAN INTEGRATED CGPA

Pelaksanaan integrated CGPA di mana satu skor yang boleh menggambarkan prestasi pelajar secara holistik.

Maklumbalas ahli